

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

***AL-DARŪRAH AL-SYAR‘IYYAH DAN  
APLIKASINYA DALAM  
PENGGUNAAN MUḤARRAMĀT  
MASA KINI***

**MOHD. HAPIZ BIN MAHAIYADIN**

Tesis yang dikemukakan  
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

September 2016

## ABSTRAK

Pelbagai produk gunaan hari ini tidak bebas sepenuhnya daripada unsur haram (*muḥarramāt*) dalam bentuk asal ataupun derivatifnya, secara langsung atau tidak langsung. Terdapat empat sumber sebagai fokus *muḥarramāt* dalam kajian ini iaitu gelatin, plasma darah, alkohol dan gliserin, sering digunakan dalam keperluan industri makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Sebagai pengguna paling ramai di Malaysia, umat Islam terpaksa menghadapi fenomena tersebut dengan berhati-hati atau menggunakan beberapa produk tersebut atas sebab *darūrah*. Prinsip *darūrah* merupakan suatu *rukhsah* syarak bagi menyelamatkan nyawa dan pelbagai *darūriyyāt al-khams* pengguna disebabkan ketiadaan alternatif halal, penyakit, kebuluran, paksaan, pertahanan diri dan kesulitan umum yang sukar dielak (*'umūm balwā'*). Kajian ini ingin menganalisis konsep *al-darūrah al-syar'iyyah* secara terperinci di samping menditulkan jenis-jenis *muḥarramāt* dan perbezaan kedudukan hukum serta kesannya terhadap penggunaan ketika *darūrah*. Pada dasarnya, penggunaan *muḥarramāt* memerlukan suatu panduan sistematik disebabkan kepelbagaiannya jenis haram dalam ketiga aspek penggunaan di atas menampilkan bentuk aplikasi *darūrah* yang berbeza. Sesuai dengan sifat sebuah kajian kualitatif, landasan teori *darūrah* dan *muḥarramāt* dibina berdasarkan telaah kritis terhadap kitab-kitab fekah, usul fekah dan kaedah fekah berautoriti daripada empat mazhab muktabar termasuk Zahiriyyah. Dua intrumen penting iaitu *istiḥālah* dan *iḥtiyāt* turut disentuh kerana penerimaan aplikasi *istiḥālah* memberikan impak positif terhadap ruang penggunaan pelbagai produk farmaseutikal moden khususnya. Seterusnya mekanisme aplikasi *darūrah* dapat direkonstruksi ke dalam sebuah model lebih berstruktur untuk menjustifikasi keadaan *darūrah* selain menjadi panduan penggunaan *muḥarramāt* kepada pengguna Islam setempat. Berdasarkan model tersebut, sesuatu kes *darūrah* dinilai dengan tiga parameter utama ; penentuan tahap kesulitan, jenis *muḥarramāt* dan hierarki penggunaannya, serta kesan haram terhadap *darūriyyāt al-khams* pengguna. Beberapa senario *darūrah* telah dianalisis. Terdapat sebahagiannya diiktiraf sebagai *darūrah* dan sebahagian lagi tidak. Bagi senario *darūrah*, pengguna dibenarkan memakan, menerima rawatan atau menjalani pembedahan yang menggunakan sumber haram ataupun derivatifnya mengikut Jadual Hirarki *Muḥarramāt* Daripada Minimum kepada Maksimum. Kajian ini turut mengemukakan beberapa saranan kepada para pengguna Islam, pihak industri dan pihak kerajaan tentang langkah-langkah efektif ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang berorientasikan ‘*Halal Business and Trading Culture*’. Budaya ini sepatutnya menjadi teras kepenggunaan *halalān tayyibān* yang menjamin sekuriti produk gunaan domestik dalam setiap rantai penghasilannya daripada pencemaran unsur *muḥarramāt*.

## PENGHARGAAN

Semuanya bermula dengan lafaz pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT atas kurniaan nikmat *al-sam<sup>c</sup>*, *al-başar* dan *al-fu'ād* kepada saya untuk mengharungi kembara ilmu ini sebagai hamba-Nya yang menghayati makna kesyukuran. Selawat dan salam sejahtera ke atas Nabi Muhammad SAW, pembawa hidayah yang menyelamatkan diri, akal dan budi manusia daripada belenggu kejahilan. Doa keampunan dan rahmat untuk para imam mujtahidin yang meninggalkan rekaya tradisi ilmu naqli dan aqli yang menjadi rujukan kajian ini.

Seterusnya saya ingin merakamkan penghargaan kepada sekalian guru yang mendidik saya. Terlalu ramai untuk dibilang satu persatu. Sekalung penghargaan ditujukan kepada penyelia utama merangkap dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Professor Dr. Haji Muhammad Rahimi Osman dan penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Mohd Dani Mohamad atas bimbingan berterusan sepanjang kajian ini disiapkan, dan juga rakan-rakan diskusi atas bantuan idea bermanfaat. *Jazākumūllāhu khyaral jazā'* diucapkan.

Terima kasih tidak terhingga kepada satu-satunya isteri tersayang, Ellis Elliza Md Alwi dan anak-anak legasi keilmuanku, Aqeel Abqari, Ahmad Ayman Abqari, Amal Istisyahd Abqari, Akhyar Mish<sup>c</sup>aal Abqari, Aisy Nusra Abqari dan Muhammad Abqari. Begitu juga kepada kedua ibu bapa Haji Mahaiyadin Thahir dan al-marhumah Hajah , sekalipun orang biasa tetapi terima kasih kerana melahirkan dan menjadikanku orang luar biasa. Kepada kakak, adik, kedua ibu bapa mertua serta semua ipar duai, kalian semua menjadi sumber ilham dan inspirasi yang memberikan semangat untuk menyelesaikan kajian ini.

Saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Pengurusan Universiti Teknologi MARA Shah Alam, ACIS dan UiTM Cawangan Pulau Pinang kerana memberi peluang menjadi calon Doktor Falsafah di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera walaupun terdapat ramai calon lain lebih berwibawa.

Akhir sekali, saya mengharapkan kalian semua mendoakan agar segulung ijazah ‘Ph.D’ ini tidak membuatkan diri ini angkuh, bongkak dan kehilangan adab. Mohon menjadi insan yang merendah diri dan sentiasa terbuka hatinya seumpama *futūḥ al-‘ārifīn* untuk menadah ilmu dan hikmah daripada Tuhan yang Maha Mengetahui dan Bijaksana.

Hamba yang *faqīr* di hadapan Penciptanya,

Mohd. Hapiz Bin Mahaiyadin  
Permatang Pauh  
2016.

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	ii
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xiii
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.3 Masalah Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Metodologi Kajian	16
1.9 Sorotan Literatur	22
<b>BAB DUA: KONSEP KONSEP <i>AL-DARŪRAH AL-SYAR‘IYYAH</i> DALAM HUKUM ISLAM</b>	34
2.1 Pendahuluan	34
2.2 Definisi <i>Al-Darūrah al-Syar‘iyyah</i>	34
2.3 Asas-asas Legitimasi <i>Darūrah</i> Dalam Islam	44
2.4 Elemen-elemen Penting <i>Darūrah</i>	66
2.5 Kaedah-kaedah Fekah Berkaitan <i>Darūrah</i>	82
2.6 Kesan Penggunaan <i>al-Darūrah al-Syar‘iyyah</i> Terhadap Hukum Islam	96

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Pelbagai sumber kehidupan di atas muka bumi ini seperti haiwan, tumbuhan, cecair, galian dan mineral merupakan anugerah Allah SWT untuk kegunaan manusia. Penggunaannya diharuskan selagi bermanfaat dan tidak menimbulkan kemudaratan kepada *darūriyyāt al-khmas* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang menjadi objektif utama perundangan Islam. Keharusan ini dirumuskan ke dalam sebuah kaedah fekah yang menyebut “hukum (penggunaan) semua benda adalah diharuskan”.<sup>1</sup> Aplikasi kaedah ini terpakai pada penggunaan setiap benda dan juga manfaatnya selagi tidak ada dalil atau nas syarak yang melarangnya.<sup>2</sup>

Malah keharusan tersebut mencakupi pelbagai perbuatan (*af'āl*) dan tindakan (*tasarrufāt*) manusia dalam kegiatan ekonomi, politik dan sebagainya.<sup>3</sup> Lantaran itu, syariat Islam menganjurkan umatnya menggunakan setiap sumber halal yang baik (*tayyib*) dan menjauhi apa-apa yang diharamkan.

Setiap yang halal sudah tentu baik manakala yang haram adalah buruk (*khabīth*). Pengharaman beberapa jenis sumber haram (*muḥarramāt*)<sup>4</sup> pula disebabkan faktor kemudaratan, kenajisan, kejijikan atau memabukkan. Daging babi, bangkai, darah dan arak merupakan antara sumber yang dinyatakan pengharamannya dengan tegas. Keempat-empat sumber tersebut haram digunakan untuk tujuan makanan dan minuman dalam keadaan biasa (*ikhtiyār*). Pengharaman itu merupakan suatu ketetapan syarak yang muktamad. Hal ini ditunjukkan menerusi tegahan yang jelas, ancaman

---

<sup>1</sup>الأصل في الأشياء الإباحة.

<sup>2</sup>Al-Subkī, <sup>c</sup>Ali ibn Abd al-Kāfi dan al- Subkī, <sup>c</sup>Abd al-Wahhāb ibn <sup>c</sup>Ali, *al-Ihbāj fi Syarḥ al-Minhāj* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995), jil. 3, 165 ; al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn <sup>c</sup>Abd al-Rahmān, *al-Ashbāh wa al-Naẓāir Fi al-Furū'* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1998), 60 ; al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fi al-Islām*, edisi ke 22 (Kaherah : Maktabah al-Wahbah, 1997), 20-21 ; al-Burnū, Muḥammad Ṣidqī ibn Aḥmad, *Mawsūfah al-Qawāṣid al-Fiqhiyyah* (Beirut : Mu'aṣṣasah al-Risalah, 2003), jil. 2, 116-116.

<sup>3</sup>Al-Qaradāwī, 22 ; Jād al-Ḥaqq, <sup>c</sup>Alī Jād al-Ḥaqq, “Simāt al-Ḥalāl wa al-Ḥarām”. <sup>c</sup>Alī Aḥmad al-Khaṭīb (ed.), *Majallah al-Azhar*, Muhamarram, (1988), 6.

<sup>4</sup>Perkara-perkara haram sering diistilah dalam kitab kaedah-kaedah fiqh sebagai *muḥarramāt* atau *maḥzūrāt*.